

01/11/1998

Tempat bicara lebih besar

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bermula esok akan diadakan di mahkamah yang lebih besar di Bangunan Sultan Abdul Samad di sini.

Ketua Hakim Negara, Tun Mohd Eusoff Chin, berkata mahkamah itu yang terletak di tingkat bawah bangunan itu boleh memuatkan 50 orang dan 10 tempat duduk dikhaskan kepada isteri, anak dan keluarga terdekat Anwar yang ingin mengikuti perbicaraan itu.

Bangunan Sultan Abdul Samad yang terletak di Jalan Raja menempatkan Mahkamah Persekutuan, Rayuan dan sebuah Mahkamah Tinggi Jenayah khas untuk kes yang didaftar di Selangor.

Mahkamah Tinggi Jenayah kini ditempatkan di bangunan mahkamah seberang Sungai Gombak bersebelahan Masjid Jamek Kuala Lumpur.

Mohd Eusoff berkata, perbicaraan itu akan diadakan secara terbuka kepada orang ramai dan media asing serta pemerhati luar tidak akan diberi layanan istimewa untuk mengikut perbicaraan berkenaan.

"Keputusan yang saya buat ini adalah berhubung soal pentadbiran dan ia tidak bersangkutan dengan keputusan perbicaraan. Apa orang akan kata jika saya beritahu hanya awak (wartawan) saja boleh buat liputan dan orang lain tidak boleh.

"Sudah tentu selepas ini saya akan terima bermacam aduan. Kami mahu elakkan semua perkara ini daripada berlaku," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Mohd Eusoff berkata, setiap media tempatan boleh menghantar seorang wakil untuk membuat liputan dan wartawan asing juga dibenarkan membuat liputan berkenaan.

Menjawab soalan, Mohd Eusoff berkata, beliau mengambil berat penggunaan bahasa Melayu dalam semua perbicaraan kerana ia selaras dengan peruntukan Akta Bahasa Kebangsaan.

Menurutnya, sebagai Ketua Hakim Negara beliau tidak boleh berdiam diri dan bersetuju dengan semua tindakan yang bercanggah dengan undang-undang bertulis berhubung perbicaraan kes itu.

Dalam satu kenyataan Jumaat lalu, peguam bela Raja Aziz Addruse yang mewakili Anwar berkata tindakan Mohd Eusoff memperbetulkan arahan supaya perbicaraan diadakan dalam bahasa Melayu adalah satu kesalahan dan mengganggu perbicaraan.

Raja Aziz berkata, kenyataan Ketua Hakim Negara bahawa pemerhati asing tidak akan diberi layanan istimewa senada dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, tindakan itu menyebabkan timbul keraguan berhubung kebebasan badan kehakiman.

Bagi mengulas kenyataan itu, Mohd Eusoff berkata, sebagai seorang peguam kanan, Raja Aziz sepatutnya memaklumkan kepada hakim perbicaraan, Datuk S Augustine Paul berhubung peruntukan bahasa itu.

"Saya percaya jika dibenarkan undang-undang bahasa ini dilanggar dan perbicaraan diadakan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris, isu bahasa ini akan digunakan sebagai alasan dalam rayuan bagi membatalkan perbicaraan itu," katanya.

(END)